

PETUA MEMILIH DURIAN

Baca petikan dengan teliti. Kemudian, tulis jawapan yang sesuai menggunakan HURUF KECIL.

yakin	risau	jelas	harum	puas
deras	samar	ragu	laju	gopoh
pasti	selalu	gembira	cermat	seronok

Zara dan keluarganya ingin membeli durian. Mereka teringin makan durian. Zara berjalan _____ menuju ke gerai jualan durian. Dia amat mahir akan selok-belok tempat itu kerana _____ datang ke situ.

Puan Zurah tersenyum melihat gelagat anaknya itu. Mereka sangat _____ apabila membeli durian.

"Zara, cuba goncangkan durian itu. Jika ada getaran, maknanya isinya telah masak," jelas Encik Hasif.

Zara mencium-cium pangkal tangkai durian. Dia berasa _____. Kemudian, dia memberikan buah itu kepada Encik Hasif.

"Buah ini _____ baunya, Zara. Isinya pasti telah masak," kata Encik Hasif dengan _____ nya.

"Abang, lima pangsa pada buah ini sangat _____ kelihatan. Saya ambil, ya," ujar Puan Zurah.

Encik Hasif mengangguk tanda setuju dengan isterinya. Beliau memberikan semua durian yang telah dipilih kepada peniaga tersebut. Peniaga itu mengopek kulit durian dengan _____ nya menggunakan parang. Zara _____ hati melihat isi durian itu. Mereka sekeluarga amat _____ kerana dapat menikmati raja buah itu.